

SOALAN NO: 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Datin Mastura Binti Mohd Yazid
[Kuala Kangsar]
TARIKH : 15 Mac 2018
SOALAN : 58

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mewujudkan Akta Profesion Psikologi seperti juga profesion-profesion lain bagi mengawal kualiti perkhidmatan dan pengiktirafan kepada bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terdapat beberapa profesion yang terlibat dalam memberikan penjagaan kesihatan mental iaitu Pakar Psikiatri (*doktor pakar*), dan Pegawai Psikologi (*Umum/Kaunseling/Klinikal*). Pengamal perubatan ini mempunyai kelayakan asas, bidang dan latihan yang berbeza serta dikawalselia secara berasingan dibawah akta yang berlainan .

Tuan Yang di-Pertua,

Pakar Psikiatri pula adalah tertakluk dibawah Akta Perubatan 1971 (pindaan 2012) dan dikawalselia oleh Majlis Perubatan Malaysia. Di bawah Akta tersebut, pakar-pakar perubatan wajib berdaftar di bawah *National Specialist Register* (NSR) dan hanya mereka yang berdaftar sahaja boleh mengamal kepakaran masing-masing. Setiap pakar akan melalui suatu proses penilaian terlebih dahulu untuk memastikan kesahihan kelayakan dan kewibawaan mereka untuk mengamal kepakaran masing-masing sebelum didaftar dibawah NSR.

Pegawai Psikologi (*Umum*) perlu mempunyai kelayakan asas diperingkat sarjana muda dalam bidang psikologi umum. Manakala Pegawai Psikologi (*kaunseling*) perlu mempunyai kelayakan asas sarjana muda atau lebih dalam bidang kaunseling yang memberikan perkhidmatan kepada individu-individu yang mempunyai masalah kefungsiian psikologikal harian. Berbeza pula bagi Pegawai Psikologi (*Klinikal*) kelayakan asas yang perlu dimiliki adalah diperingkat sarjana dalam bidang psikologi klinikal yang akan mengendalikan pesakit yang mempunyai masalah kesihatan mental dengan menggunakan kaedah pengujian psikologi dan psikoterapi.

Dari segi aspek pengawalseliaan amalan, seorang Pegawai Psikologi (*kaunseling*) perlulah berdaftar dibawah Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) dan dikawalselia oleh Lembaga Kaunselor Malaysia. Pegawai Psikologi (*Klinikal*) pula akan berdaftar dibawah Akta Profesion Kesihatan Bersekutu 2016 (Akta 774) dan akan dikawalselia oleh Majlis Profesion Kesihatan Bersekutu Malaysia yang akan dikuatkuasakan setelah kerangka penguatkuasaan disiapkan.